

**Tajuk: Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) INSTUN UPSI
2026**

Tarikh: 19 Jun 2026

Tempat: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Ringkasan Program:

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Bangunan Canselor, UPSI sebagai simbol komitmen berterusan kedua-dua institusi dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik. Dokumen kerjasama strategik tersebut telah ditandatangani oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor UPSI.

Pemeteraian baharu ini melibatkan tempoh kerjasama selama tiga (3) tahun bermula 19 Jun 2026 hingga 19 Jun 2029 yang memberi fokus kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam bidang latihan, penyelidikan, penerbitan serta perkongsian kepakaran khususnya dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan. Kerjasama ini dijangka dapat memperluaskan peluang pembangunan ilmu, meningkatkan kompetensi modal insan serta menyokong agenda kecemerlangan institusi melalui penggabungan kepakaran akademik dan profesional yang dimiliki oleh kedua-dua pihak.

Majlis turut disaksikan oleh wakil pengurusan tertinggi INSTUN dan UPSI serta pegawai daripada pelbagai bahagian yang hadir bagi menunjukkan sokongan terhadap usaha memperkukuh hubungan strategik antara INSTUN dan UPSI. Diharapkan kerjasama yang terjalin ini akan membawa manfaat besar kepada kedua-dua belah pihak dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif yang lebih berimpak tinggi, sekali gus menyumbang kepada pembangunan kapasiti sumber manusia dan kemajuan sektor pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan di negara ini.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada INSTUN dan UPSI atas kejayaan meneruskan jalinan kerjasama strategik ini. Semoga hubungan yang terjalin terus berkembang dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi demi manfaat bersama.



